



**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SABAH TINGKAT 4, BLOK C&D, BANGUNAN KWSP, NO
49, JALAN KARAMUNSING
88000 KOTA KINABALU
SABAH**

Tel : 088-238 244 Faks: 088-238 144 e-mel:

aduan@lpkpsabah.gov.my

Facebook : <http://www.facebook.com/lpkpsbh/>

**NOTIS MEMBERHENTIKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM KECUALI
TEKSI / E-HAILING BAGI DAERAH SANDAKAN, TUARAN DAN PAPAR**

BERDASARKAN **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)** SEPERTI YANG TELAH DITETAPKAN OLEH KERAJAAN BERKUATKUASA **9 OKTOBER 2020 (JUMAAT) JAM 12.01 MALAM SEHINGGA 22 OKTOBER 2020 (KHAMIS)**, SEMUA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM KECUALI PERKHIDMATAN TEKSI, E-HAILING DAN PENGHANTARAN MAKANAN DI DAERAH SANDAKAN, TUARAN DAN PAPAR DI SABAH DIBERHENTIKAN SEMENTARA, BERMULA **9 OKTOBER 2020 (JUMAAT) JAM 12.01 MALAM**.

PERKHIDMATAN TEKSI, E-HAILING DAN PENGHANTARAN MAKANAN DIBENARKAN BEROPERASI BAGI TEMPOH SEPERTI BERIKUT:

KELAS LESEN	WAKTU PERKHIDMATAN
TEKSI / E-HAILING	6.00 PAGI HINGGA 8.00 MALAM
PENGHANTAR MAKANAN	6.00 PAGI HINGGA 6.00 PETANG

SEMUA PENUMPANG, PEMANDU TEKSI DAN E-HAILING DIKEHENDAKI MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD SEPERTI BERIKUT:

1. SEMUA PENUMPANG DAN PEMANDU TEKSI/ E-HAILING DAN PEKERJA YANG TERLIBAT DENGAN AKTIVITI PERKHIDMATAN INI ADALAH **DIWAJIBKAN**

UNTUK SENTIASA MEMAKAI TOPENG MUKA SEMASA MENAIKI KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM.

2. SEMUA PENUMPANG, PEMANDU TEKSI/ E-HAILING DAN PEKERJA YANG TERLIBAT DENGAN AKTIVITI PENGANGKUTAN AWAM ADALAH **DIWAJIBKAN** UNTUK SENTIASA MEMBASUH TANGAN ATAU MENGGUNAKAN CECAIR PEMBASMI KUMAN SEBELUM DAN SELEPAS MENAIKI KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM.
3. PENJARAKAN SOSIAL **DIWAJIBKAN** DENGAN BILANGAN PENUMPANG YANG DIBENARKAN **MAKSIMUM 2 ORANG SAHAJA**.
4. SEMUA PEMANDU TEKSI/ E-HAILING **DIWAJIBKAN** UNTUK MEMBUAT PEMBERSIHAN KENDERAAN DAN FASILITI SELEPAS SETIAP TRIP DI TERMINAL ATAU DEPOT SELEPAS TAMAT WAKTU OPERASI
5. PENUMPANG YANG BERGEJALA ADALAH **TIDAK DIBENARKAN** UNTUK MENAIKI KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM DAN
6. SEMUA TEKSI / E-HAILING TIDAK DIBENARKAN KELUAR DARI KAWASAN PKPB

SEMUA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM BAS BERHENTI-HENTI, BAS MINI DAN RENTAS DAERAH (BAS EKSPRES & KERETA SEWA) **TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI** DAN MEMASUKI DAERAH SANDAKAN, TUARAN DAN PAPAR DALAM TEMPOH **PKPB**. PERKHIDMATAN KAUNTER LPKP CAWANGAN SANDAKAN JUGA **DITUTUP** SEPANJANG TEMPOH INI.

ARAHAN INI ADALAH SELARAS DENGAN ARAHAN YANG DIKELUARKAN OLEH MENTERI KANAN PERTAHANAN MALAYSIA BERTARIKH 7 OKTOBER 2020 DAN BERKUATKUASA SERTA MERTA SELARAS DENGAN **AKTA 342, AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 DAN AKTA POLIS 1967 DAN PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) 2020** DAN TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN ARAHAN TERKINI DARI SEMASA KE SEMASA.

TARIKH NOTIS : 8 OKTOBER 2020

ARAHAN
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH